



**SIARAN MEDIA**  
**MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK**

---

**PENAMBAHAN BILANGAN JEMAAH UNTUK PELAKSANAAN SOLAT  
JUMAAT DAN SOLAT FARDU BERJEMAAH SEPANJANG TEMPOH  
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)**

---

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, setelah menimbangkan sembah nasihat daripada Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak, dan setelah merujuk garis panduan Majlis Keselamatan Negara serta Kementerian Kesihatan Malaysia, dengan ini menzahirkan titah perkenan berikut:

**1. Solat Jumaat**

- 1.1 Mulai hari Jumaat, **27 Syawal 1441H**, bersamaan **19 Jun 2020**, bilangan ahli Jumaat (أهل الجمعة) yang dibenarkan mendirikan solat Jumaat di masjid dan surau diri Jumaat ialah berasaskan had kapasiti **keluasan sebenar ruang utama dewan solat** dengan mengambil kira Prosedur Operasi Standard (SOP) yang menetapkan jarak **satu meter** di antara ahli jemaah.
- 1.2 Kehadiran menunaikan solat Jumaat, pada masa ini hanya dibenarkan kepada warganegara Malaysia. Identiti para jemaah yang datang untuk bersolat hendaklah disemak dan direkodkan sebelum dibenarkan masuk ke ruang solat.

**2. Solat Fardu Berjemaah**

- 2.1 Mulai solat Subuh, hari Jumaat **27 Syawal 1441H**, bersamaan **19 Jun 2020**, bilangan ahli jemaah yang dibenarkan mendirikan solat berjemaah pada setiap solat fardu di masjid, surau diri Jumaat dan

surau ialah berasaskan had **kapasiti keluasan sebenar ruang utama dewan solat** dengan mengambil kira Prosedur Operasi Standard (SOP) yang menetapkan jarak **satu meter** di antara ahli jemaah.

- 2.2 Ahli jemaah yang dibenarkan hadir untuk bersolat jemaah, pada masa ini hanyalah dalam kalangan warganegara Malaysia. Identiti para jemaah yang datang untuk bersolat jemaah hendaklah disemak dan direkod sebelum dibenarkan masuk ke ruang solat.
3. Kaedah dan cara para jemaah masuk dan keluar dari ruang utama dewan solat di masjid, surau diri Jumaat dan surau hendaklah di asingkan di antara pintu masuk dan pintu keluar.
4. Azan yang dilaungkan oleh bilal hendaklah kembali kepada kaedah asal dan tidak perlu lagi melafazkan ayat **“al-Salatu fi buyutikum”** (tunaikanlah solat di rumah kamu).
5. Ahli Jawatankuasa Kariah atau Pegawai Masjid hendaklah memberikan peringatan dan penerangan ringkas kepada jemaah untuk mematuhi garis panduan sebelum solat Jumaat dan solat berjemaah pada setiap solat fardu dimulakan.
6. Penggunaan masjid, surau diri Jumaat dan surau untuk pelaksanaan Solat Jumaat dan solat berjemaah pada setiap solat fardu, hendaklah mematuhi sepenuhnya garis panduan dan prosedur yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian Kesihatan Malaysia.
7. Jabatan Agama Islam Perak akan mengeluarkan satu garis panduan dan kaedah terkini penambahan bilangan jemaah untuk pelaksanaan Solat Jumaat dan solat berjemaah pada setiap solat fardu kepada semua Pengerusi Jawatankuasa Kariah masjid dan surau di negeri Perak dan selanjutnya menyelia dan memastikan garis panduan tersebut dipatuhi.

Arahan dan ketetapan ini hendaklah terpakai dan berkuat kuasa serta-merta sehingga dikeluarkan apa-apa arahan baharu daripada Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak.

**(SHAHRUL AZAM BIN SHAARI)**  
**Ketua Pegawai Eksekutif,**  
**Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak**  
**24 Syawal 1441H / 16 Jun 2020**